



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA



**Institut Aminuddin Baki
Cawangan Genting Highlands
Kementerian Pendidikan Malaysia**

TEKS UCAPAN PENGARAH

**YBrs. Tuan Haji Abd Razak bin Manaf
Pengarah Institut Aminuddin Baki
Cawangan Genting Highlands**

**MAJLIS SAMBUTAN PERAYAAN HARI GURU
PERINGKAT IABCGH TAHUN 2016**

**Tarikh:
16 Mei 2016**

**Tempat:
Dewan Kuliah K144**

بسم الله الرحمن الرحيم
الحمد لله رب العلمين،
والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى الله وأصحابه أجمعين
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Selamat Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Terima kasih pengurus majlis

YBrs. Dr. Faridah binti Yakob
Timbalan Pengarah
Institut Aminuddin Baki Cawangan Genting Highlands

Ketua-ketua Jabatan

Pensyarah-pensyarah Cemerlang

Pensyarah-pensyarah Kanan dan

Semua staf IABCGH

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

PENDAHULUAN

1. Bersyukur ke hadrat Allah Swt. kerana dengan izin-Nya kita dapat berhimpun pada hari ini untuk memeriahkan dan menjayakan Majlis Sambutan Perayaan Hari Guru peringkat IAB bagi tahun 2016. Semoga melalui majlis seumpama ini, matlamat kita untuk mengeratkan hubungan silaturrahim sesama kita melalui program dan aktiviti yang melibatkan seluruh warga IABCGH akan tercapai.

PENGHARGAAN

2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada ahli jawatankuasa pelaksana Majlis Sambutan Perayaan Hari Guru peringkat IABCGH kerana berjaya merancang serta melaksanakan Majlis Sambutan Perayaan Hari Guru

tahun ini. Mudah-mudahan kerjasama erat ini akan berkekalan untuk program-program yang akan datang sebagai satu wadah dalam memperkasa IABCGH sebagai sebuah pusat latihan pengurusan dan kepimpinan pendidikan yang terbilang.

Hadirin yang saya hormati,

SEJARAH SAMBUTAN HARI GURU

3. Tujuan diadakan sambutan Perayaan Hari Guru di Malaysia adalah untuk mengenang jasa dan pengorbanan guru-guru di negara ini. Sambutan Hari Guru yang pertama kali disambut ialah pada tahun 1972 dengan bertemakan "Peranan Guru dalam Pembangunan Negara". Hari Guru di Malaysia disambut pada 16 Mei setiap tahun sebagai penghargaan kepada para guru. Tarikh ini dipilih

sebagai Hari Guru kerana pada haribulan yang sama dalam tahun 1956 Majlis Undang-Undang Persekutuan Tanah Melayu (*Federal Legislative Council*) telah menerima cadangan-cadangan Laporan Jawatankuasa Pelajaran (*Report of the Education Committee*) sebagai dasar pelajaran bagi negara kita. Dokumen tersebut yang dikenali sebagai Laporan Razak (*Razak Report*) telah menjadi dasar pelajaran bagi negara kita.

Hadirin yang dihormati,

OBJEKTIF SAMBUTAN HARI GURU

4. Sambutan perayaan Hari Guru yang diadakan pada saban tahun adalah untuk mencapai objektif berikut:
 - i. Menitikberatkan peranan guru dalam pembinaan kebangsaan (termasuk perpaduan dan intergrasi),

pembangunan negara dan perkhidmatan kepada masyarakat.

- ii. Menarik perhatian ibu bapa, murid dan orang ramai kepada peranan penting kaum guru dalam masyarakat Malaysia.
- iii. Memupuk semangat perpaduan ikhtisas dan muhibbah antara guru.
- iv. Meninggikan martabat dan taraf guru dalam masyarakat.
- v. Memberi peluang untuk memajukan kecekapan guru melalui seminar, persidangan, melanjutkan pelajaran dan sebagainya.
- vi. Menilai secara objektif peranan guru dan mengambil langkah-langkah supaya peranan itu lebih berkesan.

TEMA SAMBUTAN HARI GURU

5. Tema Hari Guru pada tahun ini ialah “**Guru Pembina Negara Bangsa**”. Sepertimana yang kita semua sedia maklum, **guru** ialah pengajar, pendidik atau pembimbing yang menyumbang khidmat bakti dalam semua bentuk institusi pendidikan di negara ini. Gurulah yang menjadi penggerak serta pendukung kepada pembangunan pendidikan negara. Guru merupakan insan yang berpengetahuan luas, berkemahiran tinggi dalam bidangnya dan mempunyai keperibadian terpuji serta berupaya menjadikan diri mereka sebagai suri teladan.

6. Manakala, **pembina** pula membawa maksud individu yang membangun, membina, mendirikan dan membentuk sesuatu untuk mencapai matlamat yang

dihadiratkan. Dalam konteks pendidikan, guru berperanan sebagai individu yang membina dan membentuk kualiti individu murid atau pelajar dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (kognitif) bagi memenuhi aspirasi pendidikan.

7. Negara bangsa pula didefinisikan sebagai kumpulan manusia. Negara bangsa dalam konteks ini bermatlamat untuk memastikan setiap pelajar memiliki jati diri yang kukuh, patriotik, berpegang teguh kepada ajaran agama dan nilai moral, hidup sebagai sebuah masyarakat yang penyayang, demokratik, liberal, bertolak ansur, berfikiran dan berbudaya saintifik serta bersatu padu.

HARAPAN PENGARAH

8. Saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada urus setia, jawatankuasa dan semua yang terlibat dalam menyumbangkan idea, tenaga dan komitmen yang tinggi bagi menjayakan Majlis Sambutan Perayaan Hari Guru peringkat IAB bagi tahun 2016. Harapan saya semoga warga IABCGH dapat meningkatkan kompetensi diri masing-masing dengan keilmuan dan kemahiran terkini khususnya dalam pengurusan dan kepimpinan pendidikan bagi membolehkan IABCGH melahirkan pemimpin pendidikan yang berprestasi tinggi. Justeru, tuan/puan diharap sentiasa mencari ilmu dan kemahiran terkini melalui latihan atau kursus, pembacaan, CLG, penandaarasan dan lain-lain. Para pensyarah perlu proaktif untuk mendedahkan diri

dengan perkembangan terkini dalam dunia pendidikan khususnya yang berlaku di peringkat sekolah supaya kita tidak ketinggalan dalam menyampaikan latihan kepada pengetua/guru besar. Selain itu, kita juga tidak ketinggalan dengan perkembangan semasa dunia pendidikan di negara ini.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, marilah kita bersama-sama menghayati sajak nukilan Usman Awang:

Jika hari ini seorang Perdana Menteri berkuasa

Jika hari ini seorang Raja menaiki takhta

Jika hari ini seorang Presiden sebuah negara

Jika hari ini seorang ulama yang mulia

Jika hari ini seorang peguam menang bicara

Jika hari ini seorang penulis terkemuka

Jika hari ini siapa sahaja menjadi dewasa;

Sejarahnya dimulakan oleh seorang guru biasa

Dengan lembut sabarnya mengajar tulis-baca.

9. Akhir kata, dengan lafaz Bismilahirahmanirrahim,
saya merasmikan Majlis Sambutan Perayaan Hari
Guru peringkat IAB bagi tahun 2016. Seterusnya,
saya akan membaca Perutusan Hari Guru daripada
Yang Berbahagia Dato' Sri KPPM.